JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

6 MEI 2024 (ISNIN)

Tomkraf Prihatin Kucing Jalanan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	15	6 Mei

Tomkraf prihatin kucing jalanan

Kempen #Tomkraf 1Rumah1Kucing pupuk sikap prihatin terhadap 'si bulus'

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
KUALA LUMPUR

Prihatin dengan nasib kucing jalanan, jenama produk makanan kucing tempatan, Tomkraf menggerakkan kempen #Tomkraf 1Rumah 1 Kucing sebagai usaha membantu mendapat penjagaan dan kesihatan terbaik untuk 'si bulus'.

ABU SUFFIAN

Eksekutif Pemasaran Tomkraf, Abu Suffian Abu berkata, pihaknya menjalin kerjasama dengan Kelab Belas Kucing KL dan Selangor yang menawarkan peluang kepada orang ramai mengambil kucing jalanan telah dirawat untuk dipelihara.

Menurutnya,usaha dijalankan juga sebagai langkah memupuk keprihatinan masyarakat agar lebih terbuka hati memelihara kucing jalanan daripada terus terbiar.

"Apabila kita uar-uarkan program keluarga angkat untuk kucing jalanan, banyak maklum balas diterima melibatkan pemilik yang nak lepaskan tanggungjawab sebab tak mampu nak jaga kucing.

"Sedangkan matlamat asal kita adalah untuk selamatkan kucing jalanan terbiar dan diberikan kepada keluarga angkat untuk dijaga.

"Jadi menjadi tanggungjawab besar buat Tomkraf untuk sebarkan kesedaran ini demi membantu mengurangkan kesengsaraan dihadapi kucing jalanan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* ketika Program Santai-Santai Raya Bersama Si Comel 'Kongsi Rezeki Bantu Anak-Anak Jalanan' di pusat beli belah Wangsa Walk pada Sabtu.

Terdahulu, menerusi program berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat, sejumlah 50 kucing jalanan berjaya mendapat keluarga angkat.

Terdahulu, lima pihak terlibat dalam usaha menyelamatkan dan merawat kucing jalanan antaranya Sayang-Sayang Kitten Garden Cat Shelter, Khaty Cat House, Cikgu Sha Cat's Home, Mama Chimuk Cats Hause dan Klinik Veterinar Maya.

Dalam masa sama, Tomkraf turut menyampaikan sumbangan 10 karton makanan kucing khas buat rumah penjagaan kucing bagi membantu meringankan beban mereka.

Setiap keluarga angkat juga menerima satu pek makanan kucing sumbangan Tomkraf bagi setiap kucing diambil.

Sementara itu, Presiden Kelab Belas Kucing KL & Selangor, Sue Mayang menghargai tajaan Tomkraf menyokong perjuangan membela nasib kucing jalanan.

Katanya, selaku pemilik tempat perlindungan, usaha mendapatkan keluarga angkat baharu untuk kucing terbiar tidak berhenti.

"Ribuan kucing jalanan dirawat diserahkan kepada penjaga baharu dan kita mahu lebih ramai sukarela mengambil haiwan ini sebagai sebahagian keluarga mereka. Bagi mereka berminat tapi tiada pengalaman menjaga kucing, kami sedia bantu untuk belajar cara menguruskan kucing dengan baik," katanya.

Orang ramai melihat kucing jalanan yang berjaya diselamatkan untuk dijadikan sebagai haiwan peliharaan.

Atasi Kekangan Lahirkan Doktor Veterinar Berkualiti

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Komentar	11	6 Mei

Atasi kekangan lahirkan doktor veterinar berkualiti

Oleh Prof Madya Dr Mohd Farhan Hanif Reduan
bhrencana@bh.com.my

Pertumbuhan industri penternakan dan makanan negara memerlukan lebih ramai doktor veterinar, apatah lagi Malaysia pada 2022, berada di tangga ke-41 daripada 113 negara dinilai dari segi keterjaminan makanan di bawah Indeks Keterjaminan Makanan Global (GFSI).

Skor Malaysia rendah dalam metrik kemampanan dan penyesuaian GFSI itu memerlukan kita mencari penyelesaian inovatif bagi menangani cabaran perubahan iklim dalam industri agromakanan.

Sehingga kini, negara masih tidak mencapai tahap sara diri (SSL) mencukupi kepada keperluan rakyat untuk daging ruminan dan susu. Sasaran sekurang-kurangnya 50 peratus SSL bagi daging ruminan belum berjaya disebabkan pelbagai faktor.

Industri ruminan negara terumbang-ambing dan bergelut dengan isu kenaikan harga makanan ternakan, kos operasi serta ancaman wabak penyakit haiwan ternakan.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

Isu pemanasan global dan serangan Israel terhadap Gaza dan perang Russia-Ukraine pasti memberi kesan kepada negara yang banyak bergantung kepada sumber luar.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), unjuran jumlah penduduk dijangka bertambah kepada 36.4 juta pada 2030 dan 40.7 juta (2040).

Justeru, ketersediaan sektor keterjaminan makanan memerlukan sumber manusia kompeten untuk memenuhi keperluan negara, termasuk bilangan doktor veterinar mencukupi.

Pada masa ini, nisbah doktor veterinar kepada penternak/pemilik haiwan kesayangan adalah satu nisbah 14,000 berbanding nisbah diperlukan negara, 1:5,000.

2 universiti tawar program doktor veterinar

Doktor veterinar amat penting kerana bukan sahaja sebagai pusat perantara kepada hubungan manusia-haiwan dan kesihatan awam veterinar, bahkan membantu untuk meningkatkan industri ternakan haiwan, seterusnya melindungi kesihatan manusia dengan mengurangkan risiko pengenalan penyakit zoonosis dalam haiwan dan produk haiwan yang boleh menjangkiti kita.

Sehingga kini, terdapat dua universiti sahaja menawarkan program Doktor Perubatan Veterinar, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). UPM hanya mampu mengeluarkan 130 hingga 140 graduan doktor perubatan veterinar, manakala UMK pula 40 siswazah berbanding permohonan melalui sistem UPUonline mencapai hingga 4000 pemohon setiap tahun.

Bagaimanapun, terdapat kekangan dihadapi sektor pendidikan tinggi negara, terutama berkaitan bilangan pensyarah belum mencukupi dalam bidang perubatan veterinar.

Ini mengganggu proses penghasilan doktor veterinar berkualiti setanding siswazah dari negara maju seperti Australia, Korea dan Jepun.

Oleh itu, kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diperlukan bagi menyediakan pelan pembangunan kerjaya doktor veterinar, termasuk pensyarah perubatan veterinar terutama di sektor awal seperti insentif menarik setara kerjaya profesional lain bagi meningkatkan kecenderungan golongan muda terbabit dalam industri berteraskan veterinar atau haiwan.

Selain itu, penyediaan fasiliti pengajaran bersesuaian dan mencukupi seperti hospital veterinar serta ladang pengajaran mesti disediakan.

Telur Masin AzwanFarm Jadi Pilihan Restoran

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Ringgit	23	6 Mei

TELUR MASIN AZWANFARM JADI PILIHAN RESTORAN

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
nazlina.nadzari@mediamulia.com.my

PELANGGAN UNTUK TELUR MASIN INI KEBANYAKANNYA ADALAH RESTORAN-RESTORAN YANG MEMPUNYAI PENSIJILAN HALAL KERANA MEREKA MEMERLUKAN BAHAN MENTAH YANG JUGA DIIKTIRAF HALAL."

PETALING JAYA: Bermula dengan hobi membela itik, Azwan Zainudin, 34, kini sudah menternak lebih 3,000 itik telur yang mampu menghasilkan sekitar 50,000 hingga 60,000 biji telur setiap bulan.

Pemilik Azwanfarm Seremban yang terletak di Kayu Ara, Mambau, Negeri Sembilan itu berkata, dia mula menternak itik telur secara serius setelah perniagaan dalam makanan dan minuman (F&B) iaitu kedai makan dan kafe terpaksa ditutup akibat terjejas pandemik Covid-19.

Oleh itu, dia memutuskan untuk membela itik telur pada 2020 dan memasarkan telur itik segar dan telur itik masin di kedai dan restoran.

Katanya, telur itik masin keluarannya yang telah menerima pensijilan halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sejak 2022 menyumbang kira-kira 50 peratus daripada jumlah pengeluaranya.

"Pelanggan untuk telur masin ini kebanyakannya adalah restoran-restoran yang mempunyai pensijilan halal kerana mereka memerlukan bahan mentah yang juga diiktiraf halal.

"Buat masa ini, ada tiga buah restoran besar yang mengambil telur masin daripada kami. Ada yang ambil sehingga 10,000 biji telur masin sebulan.

"Bahan-bahan yang kami gunakan untuk membuat telur masin termasuk garam juga mempunyai sijil halal. Ini kerana, untuk mendapatkan pengiktirafan halal ini, bahan-bahan yang digunakan dalam proses pembuatan itu juga perlu diiktiraf," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Azwan berkata, selain mengedar dan mempunyai pelanggan tetap di Negeri Sembilan dan Selangor, produknya juga dijual di seluruh negara menggunakan platform Shopee.

Menurutnya, Azwanfarm juga menyasarkan untuk menambah lagi ternakan itiknya kepada 5,000 ekor menjelang akhir tahun depan.

"Tambahan itik tersebut akan meningkatkan kapasiti pengeluaran kami supaya dapat memasarkan kepada lebih banyak kedai.

"Sebenarnya, kami sentiasa menambah jumlah itik di ladang, tetapi ia dibuat secara berperingkat. Ini bagi mengawal penawaran dan permintaan produk kami dalam pasaran," ujarnya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR